

Perlu bijak lerai cengkaman hutang

Pusat Penasihat Hutang AMP bantu sediakan hala tuju dan saranan bagi bantu golongan berhutang lebih arif huraikan masalah

► **ERVINA MOHD JAMIL**
ervinamj@sph.com.sg

DARIPADA memberi 'ikan' yang boleh dihabiskan sekali dimakan, lebih baik memberi joran yang boleh digunakan untuk mendapatkan lebih banyak 'ikan'.

Itulah matlamat Pusat Penasihat Hutang (DAC) yang ditubuhkan Angkatan Karyawan Islam (AMP) April lalu.

Pusat tersebut bertujuan membantu mereka yang dibelenggu masalah hutang untuk keluar daripada kancas itu, tetapi bukan dengan memberi bantuan kewangan.

DAC, yang telah membantu lebih 150 individu sejauh ini, bertujuan menyediakan pe-

ta hala tuju yang mengandungi saranan untuk membantu golongan yang berhutang berusaha menghuraikan masalah mereka sendiri.

Dengan cara itu, AMP berharap dapat membantu golongan tersebut melihat apakah pilihan yang mereka ada dengan lebih jelas agar mereka dapat membuat keputusan lebih bijak dalam menyelesaikan masalah hutang yang melilit pinggang.

Antara saranan itu termasuk dengan merunding semula kontrak hutang mereka dengan pemiutang atau mendapatkan bantuan daripada badan lain seperti Kaunseling Kredit Singapura (CCS).

Individu yang mempunyai masalah hu-

tang juga boleh menyertai sesi kumpulan sokongan DAC.

Sesi itu diadakan setiap pagi Sabtu di Kelab Masyarakat Pasir Ris East dan turut dihadiri relawan yang pernah mempunyai masalah hutang atau sedang berusaha mengatasi masalah hutang.

Wadah itu memainkan peranan penting kerana ia memberi mereka peluang menjalin hubungan dengan individu lain yang memahami keadaan mereka.

Mereka juga boleh mendapatkan nasihat daripada relawan yang pakar dalam pelbagai bidang seperti kewangan, hartanah, insurans, guaman dan kaunseling.

Pengurus yang bertanggungjawab atas operasi DAC, Cik Hameet Khane, berkata: "Kami melihat ramai individu yang datang mendapatkan bantuan mengambil keputusan menjual flat mereka untuk melangsaikan hutang.

"Relawan kami yang pakar dalam bidang hartanah dapat membimbing mereka membuat aturan dengan HDB dan sebagainya."

Menurutnya, mereka yang mendapatkan bantuan di DAC juga akan diajar mengetepikan pendapatan bulanan mereka bagi keperluan keluarga sebelum membayar hutang.

Selain itu, mereka juga boleh menghadiri sesi dengan pegawai kes untuk melakarkan pelan bagi menguruskan masalah hutang mereka.

Mereka akan diberi peluang mempertimbangkan dengan teliti kesemua pilihan yang ada sebelum membuat keputusan sendiri.

Golongan itu juga akan menjalani program pendidikan yang ditawarkan AMP seperti bengkel celik kewangan dan memperbaiki hubungan keluarga, bagi mengelakkan masalah itu daripada timbul semula.

Daripada 153 kes yang dikendalikan DAC dalam masa enam bulan selepas ia ditubuhkan, 80 kes melibatkan masalah yang lebih rumit dan memerlukan nasihat dan bantuan lanjut.

Kesemua 80 kes itu melibatkan individu Melayu/Islam, kecuali tiga, yang berhutang lebih \$1.7 juta.

Dengan bantuan DAC, jumlah hutang itu berjaya dikurangkan sebanyak 30 peratus kepada lebih \$1.2 juta kini.

Penasihat DAC, Encik Sani Hamid, menekankan bahawa DAC bukan sahaja bertujuan menawarkan khidmat pengurusan hutang dan hal-hal lain berkaitan hutang.

Malah, ia juga bertujuan membuat kajian terperinci sejauh mana masalah hutang menghambat masyarakat Melayu-Islam setempat.

Pengerusi AMP, Encik Azmoon Ahmad, pula berkata unit penyelidikan AMP, Pusat Penyelidikan Hal Ehwal Islam dan Melayu (Rima), akan menganalisis dan menilai maklumat yang diperolehi daripada DAC agar keadaan hutang dalam masyarakat Melayu/Islam di sini dapat dilihat dengan lebih tepat.

Orang ramai yang ingin mendapatkan butiran lanjut tentang khidmat yang ditawarkan DAC boleh menghubungi talian bantuan AMP di 6416-3960.